

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DR. TAN SENG GIAW  
[ KEPONG ]**

**SOALAN :**

**YB Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan projek yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia ke-10, bilangan yang siap dan bilangan yang tergendala dan terbengkalai.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa teliti dalam merancang dan melaksanakan projek pembangunan agar ianya dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan supaya faedahnya dapat memberi kesejahteraan kepada rakyat dan Negara.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) sehingga 11 Mei 2015, sebanyak **11,894 projek** diluluskan. Daripada jumlah tersebut sebanyak **7,315 projek (61.5%) Sudah Siap**. Daripada **4,579 projek (38.5%)** yang belum siap, **4,056 projek (34.1%)** adalah mengikut jadual, **355 projek (2.98%)** masih di peringkat dalam perancangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini tiada projek-projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan di bawah peruntukkan pembangunan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dikategorikan sebagai projek terbengkalai. Walau bagaimanapun, terdapat **168 projek (1.41%)** yang berstatus Lewat Jadual disebabkan oleh faktor-faktor seperti pengurusan dalaman kontraktor yang lemah, masalah mendapatkan bekalan bahan binaan serta masalah tenaga kerja.

Sebagai langkah proaktif Kerajaan dalam usaha menangani masalah kelewatan pelaksanaan projek. Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) telah ditubuhkan di setiap Kementerian berperanan untuk mengenal pasti dan mengambil tindakan pemulihan yang komprehensif bagi menyelesaikan

masalah projek yang mengalami kelewatan dan dikategorikan sebagai projek sakit. Di samping itu, jawatankuasa ini juga akan memperakukan kaedah penamatan dan pelantikan kontraktor penyiap bagi menggantikan kontraktor sedia ada yang tidak berupaya untuk meneruskan pembinaan projek.

Sekian. Terima kasih.